



31 MAY, 2025



## Pasar Borong KL sekali lagi digempur pihak berkuasa

Utusan Malaysia, Malaysia

# Pasar Borong KL sekali lagi digempur pihak berkuasa

Oleh NURAINA HANIS  
**ABD. HALIM**  
hanis.halim@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan hampir 1,500 warga asing di Selayang Utara dan Pasar Borong Kuala Lumpur dalam Ops Kachi semalam walaupun beberapa kali kawasan itu pernah digempur pihak berkuasa sebelum ini.

Operasi bermula kira-kira 10.45 malam dijalankan sepasukan 560 pegawai dan anggota membatikan pelbagai elemen Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKNKA) dengan setiap laluan keluar dan masuk di kawasan premis perniagaan dan rumah kedai berhampiran pasar borong itu dikepung sepenuhnya.

Serbuan turut dibantu Jabatan Imigresen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKNKA) Bukit Aman, Datuk Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi berkata, 225 unit premis perniagaan dan tempat penginapan warga asing yang kebanyakannya pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR).

Katanya, tindakan tegas itu diambil susulan risikan selama dua minggu selepas menerima aduan mengenai lambakan warga asing di kawasan berkenaan.



**OPERASI Bersepadu Pasukan Gerakan Am Bukit Aman di Pasar Borong Kuala Lumpur, Selayang, semalam.**  
- UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

"Dalam serbuan itu, terdapat beberapa warga asing yang cuba melarikan diri dengan memanjat bumbung namun berjaya dihantam.

"Hasilnya seramai 1,435 warga asing termasuk 160 kanak-kanak berjaya ditahan sebelum kesemua mereka dikumpulkan di kawasan parkir untuk tujuan pemeriksaan dokumentasi.

"Mereka yang ditahan adalah 1,222 warga Myanmar terdiri daripada 702 lelaki, wanita (360) dan kanak-kanak (160); diikuti warga Bangladesh (142); India (9); Indonesia (4) manakala seorang Nepal," katanya dalam sidang akhbar selepas Op Kachi awal pagi semalam.

Mohamad Suzrin berkata, pemeriksaan mendapati kebanyakannya yang diperiksa adalah etnik Rohingya yang memiliki kad UNHCR.

Bagaimanapun, sebahagian besar ditahan dibebaskan dan mereka yang tidak mempunyai dokumentasi diserahkan kepada pihak Imigresen untuk membuat semakan mengenai kesahihan kad UNHCR dimiliki mereka.

"Pihak imigresen memaklumkan terdapat kad UNHCR yang gagal dikenalpasti melalui mesin pengimbas dan pemegang kad akan dibawa ke pejabat Imigresen Putrajaya untuk semakan lanjut," katanya.

Jelasnya, pihak berkuasa akan mengambil tindakan ke atas majikan yang didapati mengajukan pekerja asing tanpa permit sah dan individu yang disyaki melindungi pendatang asing tanpa izin.

"Objektif utama operasi ini adalah bagi mengesan individu yang melakukan pelbagai kesalahan membabitkan Akta Imigresen termasuk memiliki kad pelarian UNHCR palsu selain kesalahan-kesalahan lain.

"Malah, kebanyakan warga asing dikesan melanggar setiap peraturan termasuk menjalankan aktiviti perniagaan secara haram dan tidak mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.